

Bahagian A

[50 markah]

Jawab mana-mana lima soalan sahaja.

- 1 (a) Jelaskan tujuan perniagaan? (3 markah)
- (b) Huraikan perkembangan sektor perniagaan di Malaysia menjelang abad ke-21. (3 markah)
- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan satu masalah ekonomi.

Deflasi ialah kejatuhan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan. Situasi ini disebabkan oleh faktor permintaan jatuh disebabkan oleh penduduk tidak mampu membeli barang di pasaran.

Bagaimanakah kerajaan mengatasi isu tersebut.

(4 markah)

- 2 (a) Maklumat berikut berkaitan seorang pengusaha kilang.

Puan Sarahah adalah seorang pengusaha kilang kerepek di Ayer Hitam, Johor. Beliau menghasilkan pelbagai jenis kerepek yang diedarkan melalui para pemborong ke seluruh negeri Johor. Beliau menggaji seramai 20 orang pekerja tetap di kilangnya. Secara purata, hasil jualan tahunan adalah sebanyak RM800 000.

Terangkan klasifikasi perniagaan Puan Sarahah mengikut saiz dan skala.

(4 markah)

- (b) Jelaskan ciri-ciri objektif perniagaan. (3 markah)
- (c) Jelaskan kepentingan interaksi sesebuah perniagaan dengan organisasi luar (3 markah)
- 3 (a) Gambar berikut menunjukkan salah satu kaedah promosi.




Apakah kaedah tersebut. Jelaskan?

(5 markah)

- (b) Berikan tiga faktor utama yang mempengaruhi pihak pengurusan dalam membuat perubahan penetapan visi, misi dan objektif perniagaan.

(3 markah)

- (c) Rajah berikut berkaitan dengan kitaran ekonomi.



Jelaskan Fasa 1 kitaran tersebut.

(2 markah)

- 4 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Siti .

TAHUN	PENERANGAN
2008	Memulakan perniagaan bermodalkan wang simpanannya sebanyak RM5000 untuk menjual barang keperluan harian seperti ayam , ikan dan sayur dengan menggunakan hanya sebuah van sekitar kawasan taman perumahan Tebrau .
2012	Membuka sebuah kedai runcit di taman perumahan Tebrau dan mempunyai tiga orang pekerja walaupun terdapat beberapa kedai runcit telah beroperasi di kawasan tersebut.
2022	Memiliki 4 cawangan pasaraya dan menjadi pembekal sayur serta ikan kepada beberapa buah restoran makanan laut sekitar tebrau dengan 20 orang pekerja bagi membantu menguruskan operasi perniagaan

Jelaskan **dua** ciri-ciri usahawan yang ada pada Puan Siti.

(4 markah)

- (b) Huraikan prosedur mengurus sumber teknologi dalam perniagaan .

(3 markah)

- (c) Mengapakah usahawan perlu menyediakan rancangan perniagaan ?

(3 markah)

- 5 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya.

Jelaskan M dan N.	
	2

5 markah

- (b) i Maklumat berikut menunjukkan Penyata Tunai Perniagaan Haifa Agriculture Enterprise bagi bulan Ogos dan September 2022

Perniagaan Haifa Agriculture Enterprise		
Perkara	Ogos	September
Baki b/b		Q
Penerimaan		
Modal	15 000	
Pinjaman	30 000	
Jualan	1 500	7450
Jumlah Penerimaan	46 500	7450
Pembayaran		
Belian	18 500	1 340
Upah	1 200	1 200
Jumlah Pembayaran	19 700	2 540
Baki h/b	X	Y

Kirakan X dan Y.

2 markah

- (b) ii Berikut adalah butiran dalam Penyata Aliran Tunai sebuah perniagaan.

Perkara	Jan	Februari
Baki b/b	15 000	B
Penerimaan		
Modal	10 000	
Jualan Tunai	25 800	42 780
Akaun Belum Terima	7 000	10 300
Jumlah Penerimaan	42 800	53 080
Pembayaran		
Belian Tunai	30 000	25 750
Akaun Belum Bayar	4 600	6 900
Gaji	10 000	10 000
Sewa	3 000	3 000
Jumlah Pembayaran	47 600	45 650
A	R	C
Baki h/b	S	T

Kirakan R, S dan T.

3 markah

- 6 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan satu bentuk perniagaan.

Syarikat JnB International Corporation dan Syarikat BSI Transportation Sdn Bhd telah bergabung dan membentuk Syarikat JBSI Shaw Entertainment yang menerbitkan filem "Tok Gajah: Pahlawan Kemerdekaan Tanah Melayu" dan telah mengutip RM80 juta semasa tayangan.

Jelaskan kelebihan milikan perniagaan tersebut.

[3 markah]

- (b) Nyatakan dokumen perniagaan yang perlu disimpan dengan sistematik dan lengkap dalam sesebuah perniagaan

[4 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan iklan jawatan kosong di Koperasi Seri Murni.

**JAWATAN KOSONG
KERANI AM**

SYARAT KELAYAKAN

- warganegara Malaysia
- Berumur 18 tahun hingga 35 tahun pada tarikh 1 Januari 2022
- Sekurang-kurangnya mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu dan Matematik dalam SPM
- Berkemahiran dalam mengendalikan komputer

FAEDAH

- Berjawatan tetap
- Cuti Tahunan/Sakit dan Cuti Umum
- Caruman KWSP dan PERKESO

Berpandukan iklan tersebut, nyatakan 3 faedah lain sistem penggajian.

[3 markah]

Bahagian B

[30 Markah]

Jawab mana-mana dua soalan sahaja.

- 7 (a) i Pernyataan berikut berkaitan dengan sebuah milikan perniagaan.

Encik Aiman telah membuka sebuah perniagaan menjual bahan binaan, Perniagaan Indah Bina, di Taman Daya, Johor Bahru pada tahun 2017. Pada tahun 2022, beliau telah membuat keputusan untuk menukar bentuk milikan perniagaannya dan beliau telah menjual syer perniagaannya kepada ahli keluarga dan juga rakan-rakannya bagi mendapatkan modal tambahan untuk mengembangkan perniagaannya.

Apakah ciri milikan perniagaan Encik Aiman bermula tahun 2022?

(2 markah)

- (a) ii Sekiranya anda salah seorang pemegang saham syarikat tersebut, apakah kelebihan yang akan anda perolehi?

(5 markah)

- (b) Nyatakan 3 akta berkaitan penubuhan perniagaan yang terdapat di Malaysia?

(3 markah)

- (c) Pernyataan berikut berkaitan dengan satu perniagaan.

Encik Iskandar ingin membuka sebuah perniagaan perkhidmatan kurier di Taman Kota Masai, Pasir Gudang sejak tahun 2020. Beliau menggunakan modal permulaan sebanyak RM50,00 dari simpanannya sendiri dan menggunakan seramai 5 orang pekerja dalam perniagaannya. Semua pekerjanya dihantar untuk menghadiri Program Latihan Operasi Perkhidmatan Kurier di Metro Driving Academy (Johor) bagi melengkapkan pekerja kurier dengan kemahiran penghantaran. Beliau bercadang untuk membuka cawangan kedua dan ingin membuat pinjaman dari bank perdagangan yang bersesuaian.

Huraikan faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan tersebut ?

(5 markah)

- 8 (a) Dialog di bawah menunjukkan perbualan antara Encik Badrul dan Encik Yusri berkaitan dengan bahagian fungsian dalam organisasi.

Encik Badrul : Sebagai seorang pengurus bahagian X, saya bertanggungjawab
untuk memastikan produk yang dihasilkan mencapai kualiti yang
telah ditetapkan.

Encik Yusri : Sebagai seorang pengurus bahagian Y pula, tanggungjawab saya
adalah memastikan produk yang dihasilkan dapat dipasarkan

kepada pelanggan di pasaran.

Jelaskan bahagian fungsian X dan Y.

4 markah

(b) i Apakah maksud nisbah semasa?

2 markah

(b) ii Maklumat di bawah ini diperolehi daripada dua buah syarikat dalam industri yang sama.

Butiran	Syarikat EYE Bhd (RM)	Syarikat SCAN Bhd (RM)
Tunai	1 000	1 500
Penghutang	500	400
Stok	100	100
Pemiutang	2 000	1 500

Sekiranya anda ingin melabur wang anda, syarikat manakah yang anda akan pilih?

Berikan alasan anda

6 markah

(c) Sumber manusia merupakan salah satu faktor yang membawa kepada perubahan persekitaran perniagaan. Jelaskan.

3 markah

9 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan Perusahaan Mee Siput.

Encik Adzmee merupakan pemilik Perusahaan Mee Siput Besar. Kilang memproses mee siput telah beroperasi selama 15 tahun di Pontian, Johor. Jenama Mee Siput Besar telah dipatitkan melalui MyIPO setahun selepas beroperasi. Perusahaan ini memperoleh RM 18 juta jumlah jualan tahunan dan mempunyai 80 orang pekerja tetap dan beberapa pekerja yang berpengalaman. Penggunaan 10 buah mesin mengadun mee siput berteknologi tinggi digunakan untuk menampung pasaran kawasan Johor, Melaka, Selangor dan Perak. Setiap hari bahagian operasi akan memberi taklimat keselamatan supaya pekerja sentiasa patuh pada syarat

pemakaian ketika bekerja. Bagi mengelakkan sebarang kemungkinan Encik Adzmee perlu peka dengan pengurusan sumber perusahaan beliau.

Terangkan saiz dan skala Perusahaan Mee Siput Besar?

4 markah

- (b) Bagaimanakah aspek pengelolaan sumber manusia dapat memastikan pekerja Perusahaan Mee Siput Basar kekal berkerja dalam perusahaan ini?

5 markah

- (c) Anda bersetuju dengan tindakan Encik Adzmee. Kemukan alasan anda.

6 markah

Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini **wajib** di jawab.

10

Baca dengan teliti kes di bawah

Syarikat Elektronik Maya Sdn. Bhd. merupakan syarikat pengeluar pelbagai peralatan elektrik jenama Maya. Syarikat ini beroperasi di Kawasan Perindustrian Tebrau Johor Bahru dan peralatan elektrik keluaran syarikat dijual di rangkaian Kedai Elektrik Maya di seluruh Malaysia. Peralatan elektrik keluaran syarikat, menyebabkan pihak pengurusan menggunakan pelbagai kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam melancarkan aktiviti perniagaan di pelbagai bahagian dan peringkat pengurusan.

Perubahan gaya hidup masyarakat yang lebih moden menyebabkan permintaan terhadap peralatan elektrik pintar semakin meningkat. Pihak pengurusan syarikat berpendapat barangan elektrik keluaran syarikat perlu ditambahbaik dengan memasukkan elemen peralatan pintar contoh barangan elektrik boleh dikawal secara automatik menggunakan telefon pintar dari jarak jauh. Bagi tujuan ini, pihak syarikat meminta bahagian pemasaran menentukan langkah pembangunan produk baharu. Melalui kajian pasaran yang telah dilakukan oleh bahagian pemasaran, syarikat telah mengenal pasti beberapa peralatan elektrik pintar yang menjadi keperluan terpenting isi rumah. Sebagai permulaan syarikat bercadang untuk mengeluarkan lampu pintar yang boleh dikawal fungsinya secara jarak jauh menggunakan aplikasi di telefon pintar. Lampu ini membolehkan pengguna mengaktifkan lampu rumah mereka pada waktu malam walaupun mereka tiada di rumah. Cara ini diharapkan dapat mengurangkan risiko kejadian jenayah sewaktu ketiadaan pengguna di rumah.

Pihak pengurusan syarikat bercadang meneruskan pengeluaran beberapa produk elektrik pintar yang lain tetapi kos pengeluaran produk elektrik pintar sangat tinggi kerana syarikat perlu

menggunakan jentera yang lebih moden serta banyak peranti elektronik pintar dalam pengeluaran. Semua aset-aset syarikat ini perlu diselenggara dengan baik sepanjang masa dan ini akan menyebabkan lebih banyak modal diperlukan. Bagi tujuan tersebut, bahagian kewangan mencadangkan supaya pihak syarikat menggunakan sumber pembiayaan luar berbanding menerbitkan saham baharu. Ini adalah kerana syarikat boleh memohon pembiayaan mengikut keperluan modal.

Berdasarkan kes di tersebut, jawab soalan-soalan yang berikut :

- (a) Terangkan tujuan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi dalam syarikat ini. [4 markah]
- (b) Sekiranya anda adalah pengurus pemasaran di syarikat ini, apakah langkah pembangunan produk baharu yang akan anda lakukan? [3 markah]
- (c) Mengapakah aset-aset pengeluaran syarikat perlu diselenggarakan? [4 markah]
- (d) Pada pendapat anda, adakah wajar cadangan bahagian kewangan supaya syarikat mendapatkan sumber pembiayaan luaran untuk menambah modal syarikat? Berikan alasan anda. [5 markah]
- (e) Bagaimanakah pihak syarikat dapat memohon pembiayaan luaran? [4 markah]

**PERATURAN PEMARKAHAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN PASIR GUDANG TAHUN 2022**

Soalan	Jawapan	Markah
1(a)	Tujuan Perniagaan ialah: F1-menawarkan barang dan perkhidmatan F2-bermotifkan untung/ OBU F3-Bukan bermotifkan untung/OBBU F4-Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna F5-Melibatkan pertukaran wang C1- Jakel/ Persatuan Pengguna Terima mana-mana 3F	1 1 1 1 1 1 [Mak 3]
1 (b)	Perkembangan sektor perniagaan di Malaysia menjelang abad ke-21 ialah: F1- Sektor ketiga/ Sektor Tertier/Sektor Perkhidmatan/ H1- Memberikan perkhidmatan terus dari pengeluar kepada pengguna H2-melibatkan sektor perkhidmatan pelancongan, pengangkutan, telekomunikasi, perbankan, perdagangan serta perkhidmatan awam dan swasta. H3-menyokong perkembangan sektor primer dan sekunder C1- Perbankan CIMB/ Perkhidmatan UTC Terima mana-mana 1F, 1H,1C	1 1 1 1 1 [Mak 3]
1 (c)	Kerajaan mengatasi isu deflasi dengan: H1-Melaksanakan dasar kewangan H2-Menurunkan kadar faedah H3-Pengguna mengurangkan simpanan di bank/ meningkatkan perbelanjaan H4-Memberi khidmat nasihat dan perundangan H5-mendidik para peniaga agar menggunakan setiap sumber secara optimum H6- Menurunkan kadar cukai H7- Menurunkan cukai eksport H8- Menggalakkan perniagaan pada peringkat antarabangsa Terima mana-mana 4H	1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak 4]

2 (a)	Klasifikasi perniagaan Pn Sarahah mengikut saiz dan skala ialah : F1 – Saiz kecil H1a – Menggaji 20 orang pekerja/ 5 – kurang 75 orang H1b – Jualan tahunan RM 800 000 setahun/ RM 300 000 – kurang RM15 Juta F2 – Skala domestik/negeri H2a – Diedarkan melalui pemborong H2b – Seluruh negeri Johor (2F+2H)	1 1 1 1 1 1 [Mak 4]
2 (b)	Ciri-ciri objektif perniagaan ialah : H1 – Spesifik iaitu menekankan bahawa objektif hendaklah dinyatakan secara khusus H2 – Boleh diukur samada secara kuantitatif atau kualitatif H3 – Boleh dicapai jika pekerja menggembeleng tenaga sepenuhnya berdasarkan sumber yang ada H4 – Munasabah iaitu tidak mustahil untuk dicapai dengan sumber fizikal dan manusia yang mencukupi H5 – Jangka masa yang merupakan tempoh masa pendek atau Panjang Terima mana-mana 3H	1 1 1 1 1 1 [Mak 3]
2(c)	Kepentingan interaksi sesebuah perniagaan dengan organisasi luar ialah: H1- Mewujudkan jaringan perniagaan ke tahap yang lebih baik bagi mengukuhkan sistem operasi dan kelangsungan perniagaan H2 – Mengukuhkan hubungan baik sedia ada ke tahap lebih baik bagi membantu peningkatan dalam pencapaian matlamat perniagaan H3 – Menjalin Kerjasama strategik dengan perniagaan lain yang berpotensi H4 – Menambahkan sumber perniagaan seperti bahan mentah, pembiayaan dan kepakaran Terima mana-mana 3H	1 1 1 1 1 [Mak 3]
3 (a)	Kaedah perniagaan di atas ialah: H1-Publisiti H2-Tidak melibatkan kos promosi / iklan H3-Disebarkan melalui media massa / surat khabar / televisyen H4-Liputan lebih luas H5-Kreadibiliti maklumat tinggi / maklumat boleh dipercayai / sahih H6-Kelebihan / kebaikan produk ditonjolkan Terima mana-mana 5H	1 1 1 1 1 1 1 [Mak 5]

3 (b)	Tiga faktor yang membolehkan sesuatu perniagaan mampu bertahan dalam industri: H1-Sumber manusia H2-Kewangan H3-Ekonomi H4-Sosiobudaya H5-Teknologi H6-Undang-undang Terima mana-mana 3H	1 1 1 1 1 1 [Mak 3]
3 (c)	Fasa 1 kitaran ekonomi bagi rajah di atas ialah: H-Permintaan terhadap perniagaan akan jatuh. H2-Kuantiti jualan akan merosot H3-Hasil akan merosot H4-Keuntungan turut jatuh H5-Visi, misi dan objektif yang terdahulu perlu diubah suai semula Terima mana-mana 2H	1 1 1 1 1 [Mak 2]
4(a)	Dua ciri-ciri keperibadian usahawan yang ada pada Puan Siti. H1- Tabah H2- Memulakan perniagaan bermodalkan wang simpanannya sebanyak RM5000 untuk menjual makanan keperluan harian seperti ayam , ikan ,sayur dan buah-buahan dengan menggunakan sebuah van sekitar kawasan taman perumahan Tebrau . H3- Berdikari H4- Memulakan perniagaannya dengan wang sendiri sebanyak RM5000 tanpabergantung kepada pihak lain untuk membuat pinjaman H5- Yakin diri dan optimistik H6- Tetap positif Membuka sebuah kedai runcit walaupun terdapat persaingan daripada kedai runcit lain H7- Pandai mengambil peluang H8- Membuka kedai runcit di kawasan yang perumahan Tebrau yang strategik /ramai penduduk / ada restoran makanan laut H9- Berfikiran positif untuk berjaya H10- Akhirnya berjaya memiliki 4 cawangan kedai runcit dan menjadi pembekal barangan keperluan kepada beberapa buah restoran makanan laut sekitar tebrau dengan 20 orang pekerja bagi membantu menguruskan operasi perniagaan H10- Berani menghadapi risiko H11- Menggunakan wang simpanan sendiri RM5000 , walaupun tidak pasti boleh maju /berjaya 2F+2C	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak 4]

4(b)	Prosedur mengurus sumber teknologi dalam sesebuah perniagaan : F1- Hak Cipta Terpelihara H1- Hak eksklusif kepada pencipta karya untuk mengawal penggunaan karya mereka untuk tempoh masa tertentu / Perlindungan hak cipta hanya boleh diberikan kepada ekspresi idea yang telah direkod atau telah dijadikan bahan dizahirkan / Perlindungan hak cipta di Malaysia berdasarkan kepada Akta Hak Cipta 1987. C1- Karya sastera / Karya muzik / Karya seni / Filem/ Rakaman bunyi / Siaran F2- Paten H2a- Hak eksklusif untuk suatu reka cipta, sama ada berupa satu produk atau satu proses untuk menghasilkan sesuatu yang baharu/Semua reka cipta yang hendak dipatenkan mestilah yang belum dizahirkan oleh mana-mana syarikat /Pendaftaran paten penting kepada sesebuah syarikat kerana hak cipta mereka akan dilindungi undang-undang/Usahawan boleh mendaftar paten melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)./ Pendaftaran paten di Malaysia hanya melayakkan perlindungan di Malaysia sahaja./Di Malaysia, pemilikan paten kepada syarikat yang berdaftar akan dilindungi selama 20 tahun dari tarikh pemfailan. C2- Paten kereta	1 1 1 1 1 1 [Mak 3]
4(c)	Usahawan menyediakan rancangan perniagaan kerana : H1- Memberi peluang kepada usahawan menilai projek yang dirancang dengan teliti. H2- Memberi gambaran sama ada projek yang dirancang berdaya maju atau tidak. H3- Menganggar keperluan sumber perniagaan. H4- Meyakinkan pihak pelabur/bank. H5- Menjangka risiko dan masalah yang mungkin timbul semasa melaksanakan projek perniagaan tersebut.	1 1 1 1 1 1 [Mak 3]
5 (a)	M ialah F1 Penggunaan peralatan dan teknologi terkini H1 memastikan segala urusan perniagaan berjalan dengan lancar H2 mempelbagaikan dalam kaedah promosi dan pemasaran perniagaan H3 Menggunakan sistem dan kemudahan teknologi dalam pengeluaran dan pengurusan kewangan perniagaan. H4 Menggunakan kemudahan e pemasaran atau e dagang N ialah F1 Mendapat sumber manusia yang mempunyai kepakaran dan pengalaman H1 Mengambil pekerja yang berkeelayakan dan berpengalaman H2 Pekerja diberikan latihan dan kemahiran dalam bidang tertentu H3 Melahirkan pekerja mahir dan separa mahir untuk membantu perniagaan.	1 1 1 1 1 1 1

	H4 Meningkatkan daya saing dalam pekerjaan dan modal kerja. H5 Pekerja diberikan ganjaran atau gaji yang sesuai dengan kelayakan atau mana-mana jawapan yang sesuai	1 1 1 1 1
5 (b) i	X = 26, 800 Y = 31, 710	1 1
5(b) ii	R = - 4 800 S = 10 200 T = 17, 630	1 1 1
6 (a)	Kelebihan usahasama : H1 Membantu perniagaan untuk memperluas asas perniagaan. Syarikat boleh menjalankan perniagaan di tempat yang belum pernah diterokai H2 Dapat meningkatkan dana kewangan dan tenaga kerja untuk menjalankan sesuatu projek H3 Meningkatkan pengeluaran kerana pasaran adalah lebih besar H4 Mendapat teknologi baharu dan terkini dengan bekerjasama dalam pengeluaran H5 Mudah untuk mendapatkan bahan mentah dan sumber-sumber lain daripada syarikat usaha sama H6 Harta individu, aset serta pegangan dalam syarikat asal dikekalkan H7 Risiko dalam perniagaan dapat dikongsi kerana risiko ditanggung oleh kedua-dua buah syarikat Terima mana-mana 3H	1 1 1 1 1 1 1 [Mak 3]
6 (b)	Dokumen perniagaan yang perlu disimpan dengan sistematik dan lengkap dalam sesebuah perniagaan : F1 Rekod transaksi bank F2 Rekod jualan F3 Rekod pembelian F4 Rekod kos operasi F5 Rekod ambilan dan modal Terima mana-mana 4F	 1 1 1 1 1 1

		[Mak 4]
(c)	Faedah lain dalam sistem penggajian yang bersesuaian berpandukan iklan ialah : F1 Bonus Tunai H1 Penghargaan yang dibayar secara tunai kepada pekerja pada akhir tempoh tertentu berdasarkan prestasi perniagaan. F2 Kemudahan Keselamatan H2 Penyediaan alat keselamatan dan persekitaran kerja yang selamat supaya pekerja tidak terdedah kepada sebarang risiko. F3 Insurans Berkelompok H3 Majikan membayar premium kepada syarikat insurans untuk melindungi majikan dan pekerja apabila berlaku risiko semasa bekerja. Terima mana-mana 2F + 1H	1 1 1 1 1 1 [Mak 3]
7 (a)(i)	Ciri Syarikat Sendirian Berhad ialah H1 Tertakhluk kepada Akta Syarikat 1965 H2 Pemegang saham menanggung liabiliti terhad H3 Bilangan ahli 2 -50 orang H4 Saham syarikat tidak boleh diniagakan di Bursa Malaysia H5 Pindah milik saham hanya dengan kebenaran ahli Lembaga pengarah H6 lebih mudah mendapatodal yang lebih besar H7 pemegang saham terbesar berhak mengawal operasi syarikat	1 1 1 1 1 1 1 1 Max 2 m
(a)(ii)	Kelebihan syarikat sdn bhd ialah H1 Modal lebih banyak H2 lebih banyak modal dapat dikumpul melalui terbitan syer H3 Liabiti terhad H4 Peegang syer hanya rugi setakat modal yang dilaburkan H5 Hal ehwal syarikat dirahsiakan H6 Laporan kewangan tidak perlu diumumkan kepada orang ramai	1 1 1 1 1 1 Max 5m
(c)	Akta penubuhan perniagaan H1 Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 H2 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad H3 Akta Syarikat 1956	1 1 1 =3m
(d)	Faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan F1 Modal H1 Satu permulaan bagi sesebuah perniagaan/ sumber dalaman atau luaran C1 Wang tunai, alatan atau stok F2 Kemahiran	1 1 1 1 1

	H2 Usahawan perlu mempunyai kemahiran tertentu C2 Pengurusan kewangan/ pemasaran produk/ penggunaan media sosial C3 Lokasi yang sesuai H3 Pemilihan lokasi menentukan kos yang terlibat/ perlu sesuai dengan jenis perniagaan yang akan dijalankan/ lokasi strategik membantu mencapai jualan yang tinggi C3 Contoh lokasi strategik ialah tempat tumpuan ramai/ berhampiran pelanggan dan pembekal / Terdapat kemudahan infrastruktur/ mudah dikunjungi F4 Stok H4 Barang yang disimpan untuk dijual / Elakkan modal terikat dalam bentuk stok C4 Stok bergerak pantas seperti makanan / Stok bergerak perlahan seperti perabot F5 Latihan H5 usahawan dapat mengaplikasi ilmu perniagaan C5 Latihan pengurusan aliran tunai/ pengurusan stok / pemasaran / sumber manusia F6 Pemasaran H6 Strategi, promosi atau proses menyalurkan barang dari pengeluar kepada pengguna C6 : terima cth sesuai (produk/ tempat/ harga /promosi) F7 Bantuan profesionalisme H7 Sokongan dalam bentuk kewangan / bukan kewangan C7 MARA / MOSTI/ BSN (terima contoh yang sesuai)	1 1 1 Mak = 5m
8(a)	Bahagian fungsian X dan Y ialah: F1 X = Bahagian fungsian pengeluaran H1 Merancang proses pengeluaran dengan sistematik dan teratur. H2 Mengawal kos pengeluaran dengan cekap dan berkesan. H3 Mengawal kualiti produk atau perkhidmatan secara berterusan. H4 Memastikan penggunaan sumber secara optimum tanpa melakukan pembaziran. F2 Y = Bahagian fungsian pemasaran H1 Menjalankan penyelidikan pemasaran untuk menentukan pasaran sasaran. H2 Mengenalpasti keperluan dan kehendak pelanggan. H3 Menetapkan harga yang kompetitif terhadap produk dan perkhidmatan. H4 Mengenalpasti pasaran sasaran, iaitu bakal pelanggan yang akan membeli produk. (Pilih mana-mana 1 jawapan yang sesuai)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 Maks 4
8(b) (i)	H1- Nisbah semasa menukur kemampuan syarikat untuk membayar pinjaman jangka pendek menggunakan aset semasa H2- Nisbah semasa = Aset Semasa/ Liabiliti Semasa	1 1

8(b)(ii)	F1- Syarikat SCAN Bhd	1
	Alasan:	
	H1- Nisbah semasa Syarikat SCAN Bhd RM2 000/RM1 500 =1.33:1	1
	H2- Nisbah semasa Syarikat EYE Bhd RM1 600/RM2 000 = 0.8:1	1
	H3- Setiap RM1 liabiliti semasa, Syarikat SCAN Bhd mempunyai RM1.33 aset semasa untuk menjelaskannya	1
	H4- Ini bermakna Syarikat SCAN Bhd mampu membayar hutang jangka pendek dengan menggunakan aset semasanya.	1
8(c)	H5- Setiap RM1 liabiliti semasa, syarikat EYE Bhd hanya mempunyai RM0.8 aset semasa untuk menjelaskannya	1
	H6- Ini bermakna Syarikat EYE Bhd tidak mampu membayar hutang jangka pendek dengan menggunakan aset semasanya.	1
	1F+5H	maks 6
8(c)	H1 memberi fokus kepada keperluan tenaga kerja semasa	1
	H2 termasuk pembahagian kerja dan menambahbaik tenaga kerja sedia ada	1
	H3 sumber manusia yang mencukupi dan baik menjadikan persekitaran perniagaan lebih berkesan dan berdaya saing	1
		maks 3m
9(i)	F1 Bersaiz sederhana	1
	H1 Jumlah jualan tahunannya RM18 juta/ antara RM15 juta hingga RM50 juta/kurang 50 juta	1
	H2 Bilangan pekerja tetap seramai 80 orang/ antara 70 hingga 200 orang/ kurang 200 orang	1
	F2 Skala pasaran domestik / kebangsaan	1
	H1 Melibatkan penjualan barang dan perkhidmatan dalam negara/ pasaran di Johor, Melaka, Selangor dan Perak	1
	H2 Secara tempatan yang melibatkan penduduk tempatan.	1
	2F + 2H	Mak: 4

9a (ii)	H1 Menyediakan kemudahan/ fasiliti /10 mesin mengadun mee siput H1a Memudahkan proses mengadun /jimat masa/kos H2 Mematuhi standard operasi tugas/beri taklimat keselamatan/ patuh kepada pemakaian keselamatan ketika bekerja H3 Memberi bayaran gaji setimpal dengan kelulusan/ pengalaman. H4 Pekerja diberi bonus/bayaran lebih masa/dijaga kebajikan/cth bersesuaian H5 Mengadakan perbincangan /kaunseling untuk bekerja bermasalah H6 Mengagihkan pekerja mengikut kompetensi/kepakaran/ pengalaman sedia ada H7 Menjalinkan hubungan / komunikasi yang baik	1 1 1 1 1 1 1 1 Mak : 5
9)(iii)	H1 Jenama dipatankan untuk melindungi logo ditiru H1a Dilindungi undang-undang/terhindar dari peniruan H2 Kilang diberi perlindungan insuran dan keselamatan H2a Melindungi mesin/aset/stok dari sebarang risiko H2b Pemprosesan akan menjadi lancar H3a Pekerja yang mahir boleh mengendalikan mesin mengadun H3b Bahan mentah yang digunakan secara terancang/tiada pembaziran H4 Produk yang dihasilkan lebih berkualiti H5a Mesin diselenggara secara berkala H5b Dapat mengelakkan kerosakan mee siput ketika proses pengeluaran	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 Mak: 6
10 (a)	Tujuan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi dalam syarikat ini adalah ; F1 - Membantu memudahkan system operasi H1- membolehkan urusan perniagaan Syarikat Elektronik Maya Sdn. Bhd lebih cepat/cekap/berkesan/mudah F2 - Memperluaskan skop perniagaan H2 - Perniagaan dapat dijalankan secara atas talian/jumlah pelanggan meningkat. F3 - Memudahkan aktiviti kewangan dan perakaunan H2 - Aktiviti perniagaan berkaitan kewangan/perakaunan lebih mudah/berkesan F4 - Mewujudkan hubungan/jaringan perniagaan H4 – Interaksi tanpa sempadan/rakan strategic Mana-mana 2F + 2H	1 1 1 1 1 1 1 1 1 Max 4

(b)	Langkah pembangunan produk baharu yang akan dilakukan F1 – Penjanaan idea F2 – Penyaringan idea F4 – Pembangunan produk/pengujian konsep F5 – Pembangunan strategi pemasaran F6 – Analisis perniagaan F7 – Pembangunan produk F8 – Ujian pemasaran F9 – Komersialisasi. <i>Jawapan pelajar mesti mengikut urutan. Jika pelajar memberikan jawapan tidak mengikut urutan, tiada markah. Jika pelajar tertinggal urutan ada markah</i>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 Max 3
(c)	Aset-aset pengeluaran syarikat perlu diselenggara kerana F1 – Memastikan kesedian asset-aset tersebut/kesesuaian H1 – Aset perlu sesuai dengan operasi perniagaan H2 – Jentera perlu sesuai dengan produk yang akan dikeluarkan H3 – Contoh yang sesuai berkaitan dengan perniagaan ini F2 – Memastikan kecekapan dalam penggunaan H4 – Meningkatkan produktiviti H5 – Contoh yang sesuai dengan perniagaan ini	1 1 1 1 1 1 1 Max 4
(d)	Wajar. Alasan H1 – Memohon pembiayaan mengikut keperluan modal. H2 – Bayaran ansuran yang lebih rendah H3 – Pembiayaan dilindungi oleh insurans/jika perniagaan muflis, syarikat insurans akan menanggung bayaran pembiayaan H4 – Dapat menggunakan mesin/alatan/jentera yang lebih mahal/cekap H5 – Mana-mana kekurangan sumber pembiayaan dalaman H6 – Mana-mana kelebihan sewa beli/pajakan Tidak wajar Alasan H7 – Mudah diuruskan/prosedur mudah H8 – Simpanan mudah tunai H9 – Tidak melibatkan tuntutan pihak lain/pembiaya H10 – Tidak perlu membayar semula H11 – Tidak memerlukan cagaran H12 – Mana-mana kekurangan sumber pembiayaan luaran <i>Terima penegasan jika alasan yang diberikan betul</i>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 Max 5

(e)	Syarikat ini dapat memohon pembiayaan luaran dengan cara ; H1 – Menghubungi pihak pembiaya H2 – Menetapkan temujanji/mengisi borang H3 – Menyediakan dokumen cagara/jaminan berkaitan/rancangan perniagaan H4 – Menandatangani perjanjian/dokumen berkaitan H5 – Menghantar laporan kemajuan projek (jika pembiaya agensi kerajaan) H6 – Membuat bayaran balik/ansuran <i>Mesti mengikut urutan. Tiada markah jika pelajar tidak mengikut urutan tetapi ada markah jika tertinggal urutan.</i>	1 1 1 1 1 1 Max 4
-----	---	---